

09/10/2001

Tindakan rasional perlu tentang keganasan: PM

Wan Hazmir Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
KUALA LUMPUR, Isnin - Negara Islam perlu bertindak secara rasional dengan menentang keganasan serta mendesak diadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan bagi mengikis tanggapan yang mengaitkan keganasan dengan Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu mengadakan persidangan sesama negara anggota dan kemudian membincangkan masalah keganasan dan tafsirannya pada persidangan antarabangsa.

"Hari ini ada banyak tafsiran yang berbeza, terutama berkenaan keganasan yang dilakukan beberapa kerajaan negara tertentu ke atas rakyat asing. Undang-undang antarabangsa mesti digubal untuk membendung keganasan dan penganas.

"Hanya jika OIC bersikap dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu penganas dan keganasan barulah imej Islam dapat dipulihkan," katanya menjawab soalan Datuk Husni Hanadzlah (BN-Tambun) di Dewan Rakyat, hari ini.

Husni ingin tahu peranan Malaysia dan OIC bagi memastikan imej Islam tidak terjejas berikutan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, amatlah tidak adil untuk masyarakat dunia mengaitkan keganasan dengan Islam kerana penganut agama lain turut melakukan keganasan.

"Keganasan bukan monopoli orang Islam...Orang Yahudi, Hindu, Buddha, Kristian dan yang tidak beragama juga sudah melakukan keganasan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang), Dr Mahathir berkata, tanpa takrifan yang jelas, sesiapa saja boleh dianggap penganas walaupun mereka sebenarnya berjuang membebaskan negara dari penjajah.

Perdana Menteri berkata, pejuang sebegini biasanya ditakrif sebagai penganas oleh penjajah dan mereka diburu tetapi apabila mereka menang dan memerintah mereka tidak lagi dianggap penganas.

"Umpamanya di Kenya, ketika Jomo Kenyatta berperang dengan British, dia ditakrif sebagai penganas. Tetapi apabila British mengaku kalah dan dia menjadi Presiden Kenya, dia tidak lagi menjadi penganas bahkan sejarah dia sebagai penganas dilupakan.

"Begitu juga dengan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, dia juga dulu dianggap sebagai penganas tetapi hari ini dia tidak lagi dianggap sebagai penganas tetapi sebagai pejuang kemerdekaan," katanya.

(END)